

NO. SOALAN: 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO  
[ PUCHONG ]**

**TARIKH : 26 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9071**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang ditahan untuk kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan keganasan (*terrorism*) dan kesalahan-kesalahan sekuriti sejak 2010, (dari tahun ke tahun), bilangan orang yang telah dituduh untuk kesalahan-kesalahan tersebut dan bilangan orang yang telah disabitkan untuk perkara yang sama.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sepanjang tempoh 2010 sehingga 1 Mei 2016, seramai 299 orang telah ditahan untuk kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan keganasan (terrorism) dan kesalahan-kesalahan keselamatan.**

**Daripada jumlah tersebut, seramai 25 orang ditahan pada tahun 2010, 41 orang pada tahun 2011, 9 orang pada tahun 2012, 11 orang pada tahun 2014 dan seramai 104 orang pada tahun 2015. Manakala seramai 34 orang telah ditahan bagi tempoh masa 1 Januari 2016 sehingga 1 Mei.**

**Yang Berhormat Puchong juga bertanya mengenai bilangan mereka yang telah dituduh atas kesalahan keganasan dan keselamatan. Untuk makluman, seramai 191 orang telah dituduh di bawah pelbagai akta termasuklah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 2015 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Daripada jumlah tersebut, seramai 98 orang telah disabitkan dengan kesalahan.**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

**SOALAN : 75**

**TARIKH : 26 MEI 2016, KHAMIS**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah masalah penempatan semula dan pembinaan rumah baru bagi Perkampungan Orang Asli Telok Jawa, Masai akan diselesaikan.

**JAWAPAN:**

Tan Sri Yang Di Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah amat mengambil berat akan hal ehwal masyarakat Orang Asli dan permasalahan yang dibangkitkan iaitu isu penempatan semula dan pembinaan rumah baru di perkampungan Orang Asli Telok Jawa, Masai, Johor. Kampung ini terletak dalam kawasan rizab pantai dan sebahagiannya pula merupakan tanah milik syarikat. Memandangkan isu-isu berkaitan tanah merupakan isu yang kompleks dan mengambil masa yang sangat panjang untuk diselesaikan, Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli(JAKOA) telahpun menyediakan penempatan baharu kepada penduduk-penduduk Orang Asli Telok Jawa di Kampung Orang Asli Kuala Masai, Pasir Gudang pada tahun 2006 yang dilengkapi dengan

kemudahan prasarana yang lengkap meliputi penyediaan perumahan sebanyak 18 unit, bekalan elektrik dan air. Walau bagaimanapun, penduduk enggan berpindah dengan alasan tidak mahu bercampur dengan masyarakat Orang Asli Kuala Masai.

Tan Sri Yang Di Pertua, Kementerian melalui JAKOA dari semasa ke semasa akan terus berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri dalam mendapatkan mekanisme terbaik menyelesaikan isu yang sedang dihadapi oleh penduduk Kampung Orang Asli Telok Jawa khususnya hal pentadbiran tanah melalui:

- (i) perwartaan kawasan tersebut sebagai kawasan tanah rizab Orang Asli; dan
- (ii) Pengambilan balik tanah di bawah hak milik Syarikat.

Walaupun bagaimanapun, cadangan penyelesaian ini melibatkan kos yang tinggi, masa yang panjang dan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk pemilik tanah dan Kerajaan Negeri. Sekiranya tidak dapat diselesaikan, Kementerian ingin memohon supaya penduduk Orang Asli Telok Jawa dapat menimbang cadangan alternatif melalui penempatan di perkampungan Orang Asli berdekatan bagi membolehkan penyediaan tempat kediaman yang lebih kondusif.